

KUALA LUMPUR, 21 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENJEMPUT SEKUMPULAN PEMERHATI DARI NEGARA-NEGARA KOMANWEL UNTUK MENELITI PERJALANAN PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG DENGAN MEMBIAYAI KESELURUHAN PERBELANJAANNYA.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, CADANGAN MALAYSIA, UNTUK MENDARATKAN SEKUMPULAN PEMERHATI ITU TELAH DISAMPAIKAN KEPADA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL, SIR SHRIDATH RAMPHAL SEMASA BELIAU BERADA DI LONDON PADA 12 MEI LEPAS.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT; DALAM PERBINCANGAN ITU KERAJAAN MEMINTA URUSETIA KOMANWEL MENOLONG MENGURUS KEHADIRAN PARA PEMERHATI BERKENAAN.

+LANGKAH KERAJAAN BERBUAT DEMIKIAN BUKANLAH KERANA KITA TIDAK PERCAYA KEPADA PENGURUSAN PILIHAN RAYA OLEH SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) YANG TELAH MENGURUSKAN PILIHAN RAYA-PILIHAN RAYA YANG LEPAS DENGAN BEBAS, ADIL DAN JUJUR TETAPI KITA MENGESYAKI BAHAWA PIHAK-PIHAK TERTENTU SUDAH PUN MERANCANG MEMBURUKKAN IMEJ NEGARA PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG+, KATANYA.

KATANYA, MEREKA INI TELAH BERSKDIA DENGAN PELBAGAI FITNAH DAN TUDUHAN YANG AKAN DIBUAT OLEH SEKUMPULAN ORANG-ORANG SURUHAN MEREKA YANG TELAH PUN MEREKA TUBUH.

+JUSTRU ITU AMAT PENTING KITA MENDAPATKAN ORANG-ORANG LUAR YANG TIDAK BERKEPENTINGAN MENYAKSI DAN MEMERHATI PILIHAN RAYA KITA+, KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN KETUA PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG.

ENCIK LIM MEMINTA PERDANA MENTERI MENYATAKAN SAMA ADA MALAYSIA AKAN MENJADI TELADAN BAGI KESEMUA NEGARA KOMANWEL DENGAN MENJEMPUT MISI PEMERHATI KOMANWEL SEMASA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- LAGI.
1610MST 21 06 90

D687

U B165 A A B
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL BERSETUJU UNTUK MENGURUSKAN PERKARA ITU DENGAN SYARAT KERAJAAN MENANGGUNG SEMUA PERBELANJAAN DAN KABINET TELAH PUN MENYATAKAN PERSETUJUANNYA.

+YANG PENTING SEKARANG IALAH MENDAPATKAN PENGAKUAN DARI APDA PARTI-PARTI POLITIK DI MALAYSIA TERUTAMA PARTI-PARTI PEMBANGKANG SAMA ADA MEREKA SANGGUP MENERIMA PEMERHATI DARI NEGARA-NEGARA KOMANWEL SEDANGKAN MEREKA SUDAH PUN MEMBENTUK SEKUMPULAN PEMERHATI DARIPADA ORANG SURUHAN MEREKA+, TAMBAHNYA LAGI.

ENCIK LIM BAGAIMANAPUN SEMASA MEMBUAT SOALAN TAMBAHAN BERKATA, PIHAKNYA BERSETUJU DENGAN CADANGAN ITU DAN MEMINTA PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN YANG KERAJAAN SANGGUP MENERIMA APA JUA KEPUTUSAN PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, JIKA SEMUA PARTI SANGGUP, MAKA KERAJAAN AKAN MENGHUBUNGI SEKRETARIAT KOMANWEL UNTUK MENYATAKAN PENDIRIAN MEREKA DAN MEMINTA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG SEWAJARNYA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN KEPADA SOKONGAN MALAYSIA TERHADAP PENUBUHAN BADAN PEMERHATI PILIHAN RAYA DALAM NEGARA-NEGARA KOMANWEL SEMASA PERSIDANGAN KOMANWEL OKTOBER TAHUN LEPAS, TETAPI OLEH KERANA MASALAH KEWANGAN DAN BEBERAPA HAL LAIN KOMANWEL BELUM DAPAT MENGADAKAN BADAN ITU.

KATANYA, BAGAIMANAPUN, DENGAN PENERIMAAN MALAYSIA KEPADA SEKUMPULAN PEMERHATI ITU AKAN MENJADIKAN IA NEGARA PERTAMA MENDAPATKAN KHIDMAT DARI INSTITUSI KOMANWEL ITU DAN MUNGKIN AKAN MENJADI CONTOH KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN. -- LAGI.

PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN KINI BIMBANG ADANYA USAHA PARTI-PARTI LAWAN UNTUK MEROSAKKAN DEMOKRASI DI NEGARA INI DAN MENAMBAH KATA, SEBAGAI CONTOH DALAM PILIHAN RAYA-PILIHAN RAYA KECIL YANG DIADAKAN BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI TERDAPAT TANDA-TANDA KEGIATAN YANG TIDAK DEMOKRATIK DILAKUKAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG.

+ADA UGUTAN YANG DIBUAT DAN ADA UNSUR HASUTAN SERTA SOGOKAN UNTUK MENENTUKAN PARTI KERAJAAN KALAH, MALANGNYA SUKAR BAGI KERAJAAN MENDAPATKAN BUKTI TENTANG KEGIATAN SEPERTI INI.

+DALAM PILIHAN RAYA KECIL PANTAI MERDEKA, SEORANG WANITA CINA TELAH DIHERET OLEH PERAYU PAS DEKAT DENGAN TEMPAT MENGUNDI. INI MENAKUTKAN WANITA-WANITA CINA LAIN DAN MEREKA ENGGAN KELUAR MENGUNDI UNTUK MENGELAK DARIPADA DIGANGGU+, KATANYA.

MENURUTNYA, TERDAPAT JUGA SAMSENG-SAMSENG YANG DIBAWA DARIPADA TEMPAT LAIN UNTUK MENAKUTKAN PEKERJA-PEKERJA PARTI BARISAN NASIONAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN PARA PEMERHATI DARI DALAM NEGERI TIDAK AKAN DIHIRAUKAN OLEH PARTI PEMBANGKANG TERUTAMA JIKA MEREKA TERDIRI DARI PENYOKONG PARTI PEMBANGKANG SENDIRI YANG MENGANGGOTAI PENGAWAS PILIHAN RAYA.

KATANYA, SIKAP DAP KEPADA PEMERHATI TEMPATAN ADALAH JELAS DARIPADA KELAKUAN MEREKA PADA MESYUARAT DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG DI MANA MEREKA SEDIKITPUN TIDAK MENGHIRAU PEMERHATI YANG TERDIRI DARIPADA MURID-MURID SEKOLAH YANG DATANG UNTUK MELIHAT PROSES DEMOKRASI BERJALAN. -- LAGI.

1722MST 21 06 90

D725

U B185 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI TURUT MENARIK PERHATIAN SEMASA PEMBENTANGAN USUL TAKZIAH BEKAS PERDANA MENTERI ALLAHYARHAM TUN HUSSEIN ONN, DI MANA ENCIK LIM HANYA MENGGUNAKAN PELUANG ITU UNTUK TUJUAN POLITIK PARTINYA DENGAN MENGELUARKAN KATA-KATA KESAT KEPADA KERAJAAN DAN MEMBERI TELADAN YANG BURUK KEPADA PEMERHATI PADA HARI ITU TERMASUK PENUNTUT-PENUNTUT BELASAN TAHUN.

KATANYA, OLEH ITU, KERAJAAN BERHARAP DENGAN ADANYA PEMERHATI DARI LUAR NEGERI MENELITI PILIHAN RAYA NEGARA INI, PARTI PEMBANGKANG AKAN MENGHENTIKAN CARA-CARA BURUK MEREKA DAN DEMOKRASI MALAYSIA TERPELIHARA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCSK LIM, BELIAU BERKATA, PARTI PEMBANGKANG TIDAK PERLU BIMBANG DENGAN SIKAP KERAJAAN TERHADAP APA JUA KEPUTUSAN PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

+KERAJAAN SENTIASA MENERIMA KEPUTUSAN RAKYAT TIDAK SEPERTI DAP ATAU RAKAN-RAKAN DAP YANG BARU, YANG SANGGUP KE MAHKAMAH UNTUK MENAFIKAN KEPUTUSAN RAKYAT+, KATANYA DISAMBUT DENGAN TEPUKAN DI MEJA OLEH PARA PENYOKONG KERAJAAN.

KATANYA, KEKACAUAN SEPERTI 13 MEI YANG KONONNYA DIUCUT OLEH PARTI-PARTI KERAJAAN AKAN BERLAKU JIKA KERAJAAN KALAH SEBENARNYA TIDAK AKAN BERLAKU KERANA KERAJAAN SELAMA INI MENUNJUKKAN TELADAN YANG BAIK DALAM PILIHAN RAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA DIKAJI PERISTIWA PADA TAHUN 1969, PARTI PEMBANGKANG YANG MEMULAKAN DAKWAAN YANG MEREKA MENANG SEBELUM KEPUTUSAN SEBENARNYA DAN SEORANG PEKERJA PARTI KERAJAAN DI BUNUH DI PULAU PINANG.

+JELASLAH PUNCA DARIPADA KEKACAUAN INI SUDAH TENTUNYA BUKAN DARI KERAJAAN SENDIRI MALAH DARIPADA YANG TIDAK MAHU MENERIMA KEPUTUSAN RAKYAT+, KATANYA. -- LAGI.

D728

U B188 A A B
PARLIMEN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, DAP JUGA BOLEH MENINJAU KEMBALI SIKAP +RAKAN BARUNYA+ YANG TIDAK BOLEH MENERIMA KEPUTUSAN MESYUARAT AGUNG UMNO PADA TAHUN 1987 DAN PARTI MANA YANG SEBENARNYA MENGAMALKAN POLITIK SOGOKAN DAN UGUTAN DALAM PILIHAN RAYA KECIL PANTAI MERDEKA DAN AMPANG JAYA.

+ANTARA MEREKA INI TERMASUKLAH ORANG YANG PERNAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM KEKACAUAN 13 MEI+, KATANYA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK KARPAL SINGH (DAP-JELUTONG) YANG INGINKAN PENJELASAN SAMA ADA DATUK SERI DA MAHATHIR SEDAR POLIS TELAH CAMPUR TANGAN DALAM URUSAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PJNANG BARU-BARU INI, BELIAU BERKATA, PERISTIWA ITU BERLAKU KERANA +ADA ANGGOTA DEWAN TIDAK MEMATUHI ARAHAN HINGGA SANGGUP BALING BUKU+ DAN SPEAKER DEWAN TIDAK PERLU MEMINTA BANTUAN POLIS JIKA SEMUA ANGGOTA MEMATUHI ARAHAN.

SECARA BERJENAKA PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU SENDIRI MENGAMALKAN PERATURAN DEWAN, +JIKA ADA YANG BANGUN, SAYA DUDUK DAN BILA DIADUDUK SAYA BANGUN.. MUDAH SAJA+.

KATANYA, ADA MASANYA DEWAN MEMERLUKAN BANTUAN POLIS +UMPAMANYA JIKA ADA ANGGOTA YANG MENGELUAR PISAU DAN BERTIKAM DALAM DEWAN TENTUNYA TIDAK BOLEH DIBIARKAN+. -- LAGI.

1741MST 21 06 90

D729

U B189 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, SEBAGAI PEGUAM, ENCIK KARPAL SUDAH TENTU FAHAM DENGAN PERATURAN YANG ADA DAN BELIAU SENDIRI SEBAGI DOKTOR MEMATUHI PERATURAN YANG SAMA.

KETIKA INI, ENCIK LIM MENCELAH MENGATAKAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEORANG +DOKTOR UNDANG-UNDANG+ DAN PERDANA MENTERI MENJAWAB BELIAU MENERIHA APA SAHAJA GELARAN YANG DIBERI KEPADANYA.

KEPADA SOALAN HAJI BUJANG ULIS (PERMAS-SIMUNJAN), PERDANA MENTERI BERKATA, SETAKAT INI KERAJAAN BELUM DAPAT MEMASTIKAN JUMLAH PERBELANJAAN YANG DIPERLUKAN BAGI MEMBIAYAI KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL ITU.

+MUNGKIN LEBIH TINGGI DARIPADA YANG KITA SANGGUP TETAPI KITA TETAP MENERIMANYA KERANA KERAJAAN YAKIN PERANAN KUMPULAN INI LEBIH BERKESAN DARIPADA PENGAWAS PILIHAN RAYA YANG JELAS BERPIHAK KEPADA PARTI PEMBANGKANG+, KATANYA.

KATANYA, YANG AKAN MENJADI MASALAH HANYA JIKA PARTI PEMBANGKANG MENOLAK KEHADIRAN KUMPULAN ITU. -- BERNAMA.

1743MST 21 06 96